

## Jual topeng muka mahal, peniaga dikompaun RM20,000

**LANGKAWI** - Seorang peniaga dikompaun sebanyak RM20,000 selepas didapati menjual topeng muka melebihi harga kawalan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Ketua Pegawai Penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) Langkawi, Abdul Rafar Wahid berkata, pihaknya turut merampas sejumlah 2,859 keping topeng muka tiga lapis di premis berkenaan.

"Peniaga berkenaan diberikan tempoh selama 14 hari bagi membayar kompaun yang dikenakan," katanya.

Menurutnya, operasi yang dijalankan kelmarin melibatkan pemeriksaan seluruh bangunan kedai di Pekan Kuah.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihak KP-DNHEP menasihatkan semua peniaga supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti meletakkan tanda har-


ga pada barang yang dipamerkan untuk jualan.

"Kita harap peniaga juga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga jualan bagi tujuan mengaut keuntungan yang lebih terutamanya semasa tempoh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ini.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu atau peniaga yang didapati gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan," katanya di sini semalam.

Abdul Rafar berkata, pengguna juga diingatkan supaya bijak menggunakan hak mereka dalam berbelanja semasa tempoh PKP ini untuk mengelakkan daripada dimanipulasi oleh peniaga.

Sebarang aduan, pengguna boleh menyalurkan kepada KP-DNHEP melalui saluran aduan berikut di Bilik Gerakan KP-DNHEP Negeri Kedah 047001745 atau hadir sendiri ke pejabat KP-DNHEP.



Anggota penguat kuasa memeriksa harga topeng muka yang dijual di sebuah premis di Pekan Kuah kelmarin.